



PENDUDUK kampung terpaksa membuat jambatan sementara dengan batang kelapa apabila jambatan di Sungai Nerok, Lenggong runtuh.

# Raya suram kerana jambatan rosak

**LENGGONG** - Gara-gara projek pelebaran Sungai Nerok di Lenggong, Perak yang sudah tiga bulan tidak diselenggara telah menjejaskan kemeriahan Aidilfitri di kawasan itu.

Menurut pengadu yang mahu dikenali sebagai Huzaifah saja, beliau sangat kesal dengan insiden itu yang dianggapnya dilakukan tanpa perancangan teliti daripada pihak berkuasa.

Tambah beliau, lazimnya, projek yang dibuat atas tujuan mengatasi banjir adalah dengan mendalamkan sungai,

bukannya melebarkan sungai.

"Kerja-kerja pelebaran sungai itu mengakibatkan tebing sungai rebak, pokok-pokok besar tumbang, kira-kira lima jambatan rosak dan telah timbulkan pelbagai kesukaran lain," katanya.

Antara jambatan yang rosak teruk ialah jambatan di Jalan Tok Bentung, jambatan berdekatan Masjid Banggol Belimbing dan jambatan di jalan raya utama (jalan lama Lenggong-Kuala Kangsar) berdekatan dengan Sekolah Kebangsaan Banggol Belimbing.

Menurut Huzaifah, penduduk tertanya-tanya mengapa proses membaik pulih lambat dilakukan lebih-lebih sudah hampir dengan musim perayaan.

Selain itu, tegasnya, jambatan itu juga merupakan laluan utama dan merupakan penghubung penduduk kepada kawasan kampung lain.

"Jalan alternatif tak disediakan dengan sempurna menyebabkan banyak kereta yang melalui kawasan tersebut terlekat dengan lumpur.

"Bukan itu saja, perkara ini

sangat menyusahkan terutama kepada warga emas yang sakit lutut yang terpaksa mengambil lencongan jauh dan juga kepada kanak-kanak yang nak ke sekolah," katanya.

Justeru Huzaifah merayu agar Majlis Daerah Lenggong dan badan-badan lain yang bertanggungjawab, segera mengambil inisiatif tertentu bagi mengatasi masalah ini.

"Jangan sampai ada lori yang terjatuh daripada jambatan, baru nak baik," katanya.